

# Polemik gaji permulaan bermaruah menuntut pertimbangan adil graduan, industri

Oleh [Dr Abdul Nasir Abdul Ghafar](#) - November 5, 2024 @ 11:00am, [bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



*Foto fail NSTP*

Tular di media sosial baru-baru ini berkaitan isu graduan universiti menamatkan pengajian, berkongsi impian dan harapan nilai gaji pertama mereka diidamkan.

Mengejutkan, perkongsian ini mendapat banyak reaksi negatif, kecaman serta buli siber warga maya. Situasi ini menimbulkan semula polemik antara graduan, pemain industri dan masyarakat am - berapa gaji selayaknya untuk graduan baru mula menjengah ke alam pekerjaan.

Dasar gaji progresif dibentangkan di Parlimen, adalah satu hasrat dan tindakan agresif kerajaan melakukan proses reformasi pada pasaran buruh dengan matlamat meningkatkan pendapatan pekerja selari dengan aspirasi peningkatan produktiviti.

Pengenalan dasar baharu ini akan menjadi pelengkap dan tambah baik kepada inisiatif gaji sedia ada iaitu Perintah Gaji Minimum dan Sistem Upah supaya ia selaras dengan keberhasilan produktiviti.

Dasar ini menjadi penggalak kepada penggiat industri dalam bidang kritikal seperti pembuatan, aktiviti profesional, saintifik dan teknikal untuk menyokong keperluan negara dari segi kelestarian sumber tenaga serta kepakaran rakyat tempatan.

Peningkatan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 diumumkan dalam Belanjawan 2025 juga usaha kerajaan untuk memastikan kebajikan pekerja terutama mereka berpendapatan rendah lebih terjamin.

Inisiatif dasar gaji progresif serta pelaksanaan kadar gaji minimum baharu ini memberi mesej jelas kepada penggiat industri dan masyarakat bahawa pembelaan kepada isu pembayaran upah adil kepada pekerja serta memelihara bakat dan kepakaran tempatan suatu perkara mustahak tidak boleh diabaikan.

Tidak boleh dinafikan, bukan semua pihak mampu menyambut secara positif hasrat kerajaan meningkatkan pendapatan pekerja. Sektor kecil dan sederhana mungkin kumpulan paling menerima tempas buruk sejurus dasar ini diperkenalkan.

Ada perusahaan tempatan baru berkembang ataupun baru meniti fasa pemulihan akibat kesan pandemik COVID-19, menghadapi kesukaran untuk melaksanakan dasar baharu gaji minimum.

Kesulitan ini menyebabkan sektor ini berisiko kehilangan tenaga kerja akibat tidak mampu melaksanakan gaji minimum baharu dan pekerja pula beralih kepada majikan atau syarikat gergasi lebih berkapasiti besar, mampu menawarkan gaji lebih lumayan.

Ada juga pihak mungkin menanggung di air keruh, menaikkan harga barang tanpa kawalan sejurus pengumuman dasar gaji progresif serta dasar gaji minimum yang baharu.

Golongan menguasai rantai perbekalan barangan terutama makanan, pasti menjadikan peningkatan pendapatan sebagai alasan untuk menaikkan harga barangan sesuka hati.

Tindakan ini sebenarnya merencatkan hasrat meningkatkan kuasa beli rakyat, lalu menimbulkan sentimen mereka bahawa pengumuman peningkatan pendapatan sebenarnya lebih mendatangkan kesan buruk kepada kos sara hidup terutama hidup di bandar bandar besar serta mempunyai komitmen tinggi.

Tanpa ada sekatan, kawalan serta penguatkuasaan undang-undang tegas, graduan yang baru melangkah ke alam pekerjaan, mula membina profil kerjaya dan kepakaran, akan dilunturkan semangat mereka dek pembayaran gaji tidak setimpal serta dihimpit dengan kos sara hidup tinggi.

Tidak cukup dengan dilema kemampuan kewangan majikan serta peningkatan kos sara hidup, generasi muda juga terpaksa menghadapi reaksi dan sentimen daripada warga senior.

Inilah terjadi kepada graduan baru sahaja menamatkan pengajian dan mendambakan gaji pertama, mereka dikecam hebat generasi senior mula mempersoalkan pengalaman, kepakaran serta ketahanan diri di alam pekerjaan.

Hakikat tidak boleh disangkal, golongan senior ini masih merasakan romantis menempuh suatu jangka masa dan pengalaman yang maha perit, sebelum mereka bergelar profesional dan selayaknya menerima gaji serta imbuhan tinggi.

Dengan takrifan mengenal erti susah dahulu sebelum senang, golongan graduan baharu sepertinya langsung tidak diberi ruang untuk menimba pengalaman di alam pekerjaan.

Generasi baharu akan merasakan tidak ada gunanya mereka kekal di bidang kritikal seperti kejuruteraan dan perubatan, namun dibayar gaji tidak setimpal, dikecam hebat golongan senior.

Bakat profesional pula, akan mengambil keputusan berhijrah ke syarikat gergasi ataupun ke luar negara, yang mana mereka lebih berpeluang menikmati gaji jauh lebih tinggi, meniti pengembangan kerjaya lebih terjamin, suasana kerja lebih kondusif serta gaya hidup lebih selesa.

Permasalahan ini sekiranya tidak diurus dengan baik, negara berisiko kehilangan sumber tenaga manusia dan kepakaran anak tempatan. Akhirnya, industri kritikal bakal dipenuhi warga asing, dek kerana majikan terlalu bakhil dalam isu kebajikan pekerja tempatan.

Langkah memelihara kelestarian sumber tenaga manusia perlu disokong ekosistem pembelajaran secara berterusan sepanjang hayat, perlu disahut insitut pengajian tinggi (IPT) serta penggiat industri.

Tidak dapat dinafikan sememangnya ada desas-desus isu kualiti dan kompetensi pada generasi baharu, namun usaha pembinaan dan pengislahan generasi muda adalah perjuangan tidak boleh berhenti di separuh jalan.

Perjuangan gaji bermaruah untuk graduan adalah hasrat merubah sentimen negatif masyarakat, merombak struktur dan kelaziman tradisi penggiat industri, serta sahutan kepada golongan muda untuk senantiasa meningkatkan kemahiran dan daya saing diri.

**Penulis ialah Pensyarah kanan, Fakulti Teknologi Elektrik dan Elektronik, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.**